

NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper : Harian Metro

Date : 12 Ogos 2016

Title : Suami bidanku, Kakitangan di Plaza Tol LATAR turut membantu kelahiran bayi itu

Section : Setempat Page : 2



2

setempat

12-08-2016

>> **Kakitangan di Plaza Tol LATAR** turut membantu kelahiran bayi itu

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

MOHAMAD Amer Hamza
selamat dilahirkan dengan disambut bapanya.

Sungai Buloh

"Impian saya mahu suami menyambut kelahiran bayi ini akhirnya tercapai. Apa yang saya lalui ini amat luar biasa," kata Normahani Mohd Ma'amon, 32, yang melahirkan bayinya mendadak di tepi jalan berhampiran Plaza Tol Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR).

Dalam kejadian jam 10.30 pagi semalam, Normahani dalam perjalanan dari rumahnya di Puncak Alam menuju Hospital Sungai Buloh untuk bersalin.

Bagaimanapun, dia tidak sempat sampai ke hospital sebelum melahirkan bayi lelaki seberat 3.38 kilogram di dalam kereta.

"Saya terharu suami, Mohd Affendy Mohamed Noh, 38, membantu menyambut kelahiran anak.

"Sebelum ini, banyak kali saya minta dia teman saya ketika bersalin. Namun dia tidak sempat ketika saya melahirkan anak pertama dan kedua. Bagaimanapun, saya bersyukur kerana kejadian ini menjadi detik manis dalam hidup kami," katanya di Hospital Sungai Buloh semalam.

Dia yang juga suri rumah memberitahu bersalin lebih awal dari tempoh dijangkakan iaitu pada penghujung Ogos ini.

"Pada jam 8 pagi tadi (semalam), saya sakit perut namun tidak rasa ia tanda mahu bersalin. Malah, saya sempat siapkan sarapan dan menyidai pakaian.

"Beberapa jam kemudian, perut saya semakin sakit, manakala air ketuban pecah



Suami bidanku

■ **Wanita tak sempat sampai hospital bersalin di tepi lebuhraya**

menyebabkan saya terus menghubungi suami yang bekerja sebagai kontraktor syarikat telekomunikasi di Rawang," katanya.

Dia berkata, suaminya bergegas pulang ke rumah untuk menghantarnya ke hospital.

"Namun saya memaksa

suami memberhentikan kereta di bahu jalan selepas merasakan mahu bersalin.

"Dalam keadaan kelam-kabut itu, beberapa kakitangan wanita di plaza tol berkenaan tampil membantu suami menyambut kelahiran anak kami. Selepas 15 minit

melawan kesakitan, bayi lelaki kami selamat dilahirkan," katanya.

Menurutnya, sebuah ambulans tiba di lokasi sebelum membawa mereka ke hospital.

"Bayi itu diberi nama Mohamad Amer Hamza. Walaupun dilahirkan dalam

keadaan tidak sempurna saya bersyukur kerana kami selamat.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang membantu sepanjang proses kelahiran, terutama kakitangan Plaza Tol LATAR serta kakitangan Hospital Sungai Buloh," katanya.